

CNS4351

U PB 06-08 00158 BB659

aab

Umno - Harta (Ulangan utk betulkan tarikh pada dateline) '''

JITRA, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno semakin hampir untuk memperolehi semula harta-hartanya bernilai kira-kira \$1,500 juta dari Pemegang Amanah Raya.

Beliau yang juga Presiden Umno, berkata ini memandangkan Umno mempunyai bukti bahawa lebih 55 peratus anggotanya yang dahulu telah menyertainya semula.

Undang-undang menghendaki Umno, yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh mahkamah pada 1988 tetapi kemudiannya didaftarkan semula, membuktikan bahawa lebih 50 peratus anggota lamanya menyertai semula parti itu bagi membolehkannya menuntut semula harta-harta itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, daripada 1.4 juta anggota sebelum pembatalan itu, lebih 700,000 orang telah menyertai semula parti itu.

Sehubungan itu, Umno akan membuat tuntutan mengenai harta-harta itu secepat mungkin, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan di kediaman Pegawai Daerah Kubang Pasu di sini petang ini. -- Lagi

♥06/08/20-22MST

U PB 06-08 00188 BB657

aab

Umno - Harta 2 Jitra

Sebelum itu, beliau mengadakan perjumpaan dengan Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di Pejabat Umno bahagian itu. Datuk Seri Dr Mahathir ialah Ketua Bahagian itu.

Beliau berkata, tempoh yang diberi kepada anggota parti untuk mengesahkan keanggotaan mereka tamat pada penghujung bulan ini.

+Bagaimanapun kita tidak seharusnya menunggu tempoh tersebut tamat, baru hendak dikemukakan (tuntutan) sebaliknya ia perlu dilakukan secepat mungkin,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, walaupun Umno mempunyai bukti yang jelas untuk membuat tuntutan itu tetapi masih terdapat perbezaan pendapat mengenai cara Umno dapat membuktikan keanggotaannya.

+Sebenarnya dalam borang Umno dimasukkan satu soalan sama ada seseorang itu anggota lama atau tidak tetapi oleh kerana ia tidak disahkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah ada yang berpendapat ianya tidak sah,+ kata beliau.

Bagaimanapun, parti itu telah mengutip resit, senarai anggota, surat-surat dan bermacam bukti lagi yang menunjukkan bahawa lebih 700,000 anggota Umno sekarang ialah anggota lama.

Terdahulu/daripada itu, Datuk Seri Dr Mahathir melawat pekan Kuala Kedah untuk meninjau projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di kawasan itu. -- Bernama

♥06/08/20-19MST